

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 23.5.2016

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai database pelajar-pelajar cemerlang dalam akademik yang datang daripada latar belakang keluarga miskin supaya mereka ini dapat diberi keutamaan untuk mendapat biasiswa dan adakah Kementerian bercadang untuk memberi keutamaan kepada pelajar miskin yang cemerlang ini untuk memasuki Sekolah Berasrama Penuh dan MRSM dan kepada mereka yang mampu, perlu membiayai sendiri untuk memasuki sekolah ini sepertimana yang dilakukan oleh Kolej Yayasan Saad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kuota kemasukan murid ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar dengan memastikan kemasukan ke SBP sekurang-kurangnya 70 peratus pada setiap tahun. Bagi murid daripada keluarga berpendapatan di bawah paras kemiskinan, mereka diberi status Projek Khas. Kelompok murid Projek Khas ini akan

menerima bantuan persekolahan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dan diberi keutamaan untuk menerima Biasiswa Kecil Persekutuan. Manakala bagi murid yang bukan berstatus Projek Khas perlu membiayai persekolahan masing-masing.

RJM50